

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 31 MAC 2015

SOALAN :

YB Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) Bilakah Kementerian akan mengganti Pakar Pediatrik expatriate yang telah berhenti di Hospital Limbang; dan
- (b) Mengapakah Kementerian mengambil masa yang terlalu lama untuk meluluskan Pakar Gyna untuk Hospital Limbang yang telah dipohon sejak Jun 2014 sehinggakan semua pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dan pemeriksaan Pakar Gynae terpaksa dihantar ke Hospital Miri.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Limbang merupakan hospital yang dikategorikan sebagai Hospital Daerah Pakar Minor dengan bilangan katil sebanyak 100 buah. Perjawatan Pegawai Perubatan di hospital tersebut adalah sebanyak 21 dan 15 (71.4 peratus) daripada perjawatan tersebut telah pun diisi.

Perkhidmatan kepakaran pediatrik di Hospital Limbang pada masa ini diberikan oleh Pegawai Perubatan yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang pediatrik dan juga pakar pelawat (dengan izin : *visiting specialist*) dari Hospital Miri secara berkala. Adalah dimaklumkan bahawa pegawai kontrak bukan warganegara yang berhenti di Hospital Limbang yang dimaksudkan tersebut bukanlah Pakar Pediatrik tetapi beliau merupakan Pegawai Perubatan terlatih dalam bidang pediatrik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kepakaran obstetrik dan ginekologi telah pun disediakan di Hospital Limbang sejak tahun 2013 lagi oleh seorang Pakar Perubatan Obstetrik dan Ginekologi.